

Menelusuri Cabaran Nilai Sosial dalam Era Digital: Analisis Literatur Konseptual Berasaskan Etika dan Peradaban

Exploring Social Value Challenges in the Digital Era: A Conceptual Literature Analysis Grounded in Ethics and Civilization

Siti Sarawati Johar^{1*}, Nazatul Amira Husaini², Nazirah Aliah Mohd Kamil², Fong Li Heng², Nur Diana Ilyana Muhammad Zaidi², Lee Poh Hoong², Lim Wei Li², Lin Wei Jian², Lue Zhen Luo²

1. Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, MALAYSIA

2. Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),
Kampus Cawangan Pagoh, 84600 Muar, Johor, MALAYSIA

*Pengarang Utama: sarawati@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2025.05.02.009>

Maklumat Artikel

Diserah: 3 September 2025

Diterima: 11 November 2025

Diterbitkan: 28 November 2025

Kata Kunci

Cabaran, Nilai Sosial, Digital,
Konseptual, Etika dan Peradaban

Abstrak

Kemajuan teknologi digital telah mengubah secara drastik cara manusia berinteraksi, membina nilai dan memahami peradaban. Artikel ini membincangkan cabaran etika dan penghakisan nilai sosial dalam era digital melalui pendekatan tinjauan literatur konseptual. Fokus diberikan kepada isu privasi, penyebaran maklumat palsu, bias algoritma, serta impak kecerdasan buatan (AI) terhadap nilai kemanusiaan dan warisan budaya. Perbincangan ini dianalisis melalui tiga pendekatan etika utama: Konsekuensialis, Deontologis dan Etika Kebajikan. Artikel ini turut mengetengahkan strategi seperti pendidikan etika digital sejak awal, pemuliharaan budaya melalui platform moden, dan penguatkuasaan dasar teknologi yang beretika. Cabaran seperti ketagihan media sosial, buli siber, dan penggunaan teknologi tanpa kawalan turut dibincangkan sebagai faktor yang menyumbang kepada kemerosotan nilai sosial dan identiti budaya. Artikel ini menyeru kepada pendekatan kolektif antara kerajaan, institusi pendidikan, pencipta kandungan dan masyarakat untuk membina ekosistem digital yang bukan sahaja canggih, tetapi juga berperadaban dan berjiwa manusia.

Technology, Ethics, Social Media, UTHM, Pagoh

The rapid evolution of digital technology has profoundly transformed how humans interact, construct values, and interpret civilization. This article explores the ethical and civilizational challenges posed by digital media through a conceptual literature review. It focuses on critical issues such as privacy, misinformation, algorithmic bias, and the impact of artificial intelligence (AI) on human values and cultural heritage. The discussion is framed using three ethical approaches: consequentialism, deontology, and virtue ethics. Strategic responses are proposed, including early digital ethics education, cultural preservation via modern platforms, and the enforcement of ethical technology policies. The article also addresses challenges such as social media addiction, cyberbullying, and uncontrolled technology use, which contribute to the erosion of social values and cultural identity. Ultimately, the article calls for a collective effort involving government, educational institutions, content creators, and society to cultivate a digital ecosystem that is not only advanced, but also civilized and deeply human.

1. Pendahuluan

Teknologi dalam era digital kini ditakrifkan sebagai satu sistem bersepadu yang digunakan untuk menyelesaikan masalah teknikal melalui aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), termasuk pemerolehan, pemprosesan, penyimpanan dan penyebaran maklumat secara digital (Jabatan Digital Negara, 2023). Menurut Harian Teknologi (2023), hasil daripada kemajuan saintifik dan Revolusi Industri Kedua, teknologi telah berubah daripada sekadar cabang akademik kepada alat praktikal yang digunakan secara sistematik dalam kehidupan seharian. Media digital pula merujuk kepada bentuk komunikasi yang dihantar melalui saluran digital seperti komputer, telefon pintar dan internet.


Dalam konteks globalisasi, pelbagai platform digital seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *Instagram*, *TikTok*, *Twitter*, *YouTube* dan blog telah menjadi medium utama untuk berinteraksi, berkongsi maklumat dan membina jaringan sosial. Platform ini dikenali sebagai media sosial atau 'media baharu' yang bersifat interaktif dan tidak terikat oleh sempadan masa dan ruang (Ruzian et al., 2019). Media sosial juga telah menjadi alat pendidikan yang fleksibel dan berkesan, membolehkan masyarakat berkomunikasi secara maya tanpa perlu bersemuka.

Di Malaysia, penggunaan media sosial adalah sangat meluas. Menurut DataReportal (2025), terdapat 25.1 juta pengguna media sosial aktif, bersamaan 70.2% daripada jumlah penduduk. Platform paling popular termasuk *WhatsApp*, *Facebook* dan *Instagram*. Statistik ini menunjukkan bahawa media sosial telah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian rakyat Malaysia, merentas pelbagai latar belakang agama dan etnik. Penggunaan ini dijangka terus meningkat dan memperluas fungsi asal media sosial kepada peranan baharu seperti pendidikan digital dan penyampaian maklumat (Yuni, 2021).

Namun, di sebalik manfaatnya, teknologi digital turut membawa cabaran etika yang kompleks. Antaranya termasuk penyebaran maklumat palsu, eksploitasi data peribadi dan pengaruh algoritma terhadap persepsi sosial. Kajian oleh Zainudin dan Ali (2025) menunjukkan bahawa 50% rakyat Malaysia pernah menerima maklumat palsu yang disangka benar, manakala lebih 40,000 kandungan palsu telah dipadam oleh pihak berkuasa dalam suku pertama tahun 2025. Fenomena ini menimbulkan persoalan moral yang mendalam, terutamanya apabila algoritma media sosial memperkukuh bias dan membentuk 'filter bubble' dalam kalangan pengguna. Lebih membimbangkan, kecerdasan buatan (AI) yang semakin canggih berpotensi mengukuhkan ketidakseimbangan sosial dan menghakis nilai kemanusiaan jika tidak dikawal secara beretika. Kajian oleh Nur Amelina et al. (2024) mendapati bahawa AI boleh mempengaruhi nilai peradaban manusia dan jika dibangunkan tanpa prinsip etika yang kukuh, ia boleh menjejaskan keseimbangan antara kemajuan teknologi dan nilai kemanusiaan.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk meneroka secara konseptual cabaran etika dalam penggunaan teknologi moden, khususnya dalam konteks masyarakat Malaysia. Perbincangan ini akan dianalisis melalui tiga kerangka etika utama iaitu Konsekuensialis, Deontologis dan Etika Kebajikan bagi mencadangkan pendekatan strategik ke arah pembentukan ekosistem digital yang bukan sahaja canggih, tetapi juga berperadaban dan berjiwa manusia. Media sosial telah menjadi medium utama yang memudahkan pelbagai urusan harian manusia, termasuk mendapatkan berita tempatan dan antarabangsa, menjalankan urusan perniagaan, pendidikan, pembelajaran, perbankan, pemindahan wang serta maklumat cuaca. Akses kepada maklumat kini hanya di hujung jari, menjadikan media sosial sebagai alat komunikasi yang sangat berpengaruh dalam kehidupan moden. Menurut laporan Digital 2023, rakyat Malaysia menghabiskan purata masa selama dua jam 47 minit sehari di media sosial, melebihi purata global sebanyak dua jam 31 minit (Meltwater & We Are Social,

2023). Kajian lain pula menunjukkan bahawa penggunaan media sosial boleh mencecah sehingga enam jam sehari dalam kalangan pengguna aktif (Kosmo, 2023). Malaysia kini berada dalam kelompok negara tertinggi dari segi masa penggunaan media sosial, setanding dengan Filipina (Sinar Harian, 2023).



Sumber : Data Reportal Global Digital Insight (2023)

Rajah 1: Statistik penggunaan media sosial di Malaysia

Kewujudan media sosial sebagai sebahagian daripada media baharu telah membawa kesan yang mendalam kepada individu, masyarakat dan negara. Di samping manfaatnya yang luas, media sosial juga berpotensi menimbulkan impak negatif jika disalahgunakan. Antara isu yang sering dikaitkan dengan penyalahgunaan media sosial termasuk jenayah siber, kebebasan bersuara tanpa batasan, penyebaran maklumat palsu, fitnah, provokasi, dan konflik keagamaan. Masyarakat sering menggunakan platform ini untuk meluahkan rasa tidak puas hati, kadangkala dengan bahasa yang tidak beretika, yang boleh mengganggu keharmonian sosial (Syed Mohammad Hilmi et al., 2022).

Tambahan pula, pengaruh media sosial berkembang dengan sangat pantas sehingga sukar untuk dikawal sepenuhnya oleh pihak berkuasa. Menurut Berita Harian (2016), penyebaran maklumat tidak sahih melalui media sosial telah menjadi ancaman kepada perpaduan negara yang berbilang kaum. Fenomena ini semakin membimbangkan apabila berita palsu dan kandungan berunsur provokasi disebarkan secara meluas, terutamanya semasa musim pilihan raya dan isu sensitif berkaitan kaum dan agama (Dzulpadzli et al., 2025). Statistik daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menunjukkan lebih 3,000 aduan berkaitan berita palsu diterima antara tahun 2020 hingga 2022, dengan sebahagian besar daripadanya melibatkan kandungan yang berpotensi menjejaskan keselamatan dan keharmonian negara (MCMC, 2023).

Dalam konteks ini, peranan kerajaan amat penting untuk memastikan media sosial digunakan secara bertanggungjawab. Langkah-langkah seperti penguatkuasaan undang-undang, pendidikan literasi media, dan kempen kesedaran awam perlu diperkasakan. Artikel ini akan membincangkan secara kritikal faktor-faktor yang mendorong penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat, mengenal pasti impaknya terhadap kesejahteraan sosial, serta mencadangkan pendekatan strategik bagi membendung penyalahgunaan media sosial secara berkesan.

2. Sorotan literatur

Bahagian ini membincangkan konsep teknologi dan etika secara menyeluruh, termasuk implikasi positif dan negatifnya dalam konteks masyarakat digital. Fokus utama adalah untuk memperkenalkan tema etika teknologi melalui beberapa dimensi penting: cabaran etika dalam media digital, impak kecerdasan buatan (AI) terhadap nilai kemanusiaan, serta isu privasi dan keselamatan data.

2.1 Definisi Etika

Etika merujuk kepada kajian falsafah tentang tingkah laku manusia yang menilai antara yang baik dan buruk, serta apa yang dianggap betul secara moral (Imam Bahrul & Sueb, 2023). Dalam konteks falsafah moden, etika bukan sekadar norma sosial, tetapi merupakan disiplin yang mengkaji prinsip moral secara sistematik dan reflektif. Etika juga berfungsi sebagai panduan dalam membuat keputusan yang melibatkan pertimbangan nilai dan tanggungjawab sosial, terutamanya dalam penggunaan teknologi (Pradana & Amol, 2024).

2.2 Definisi Teknologi

Teknologi berasal daripada istilah Yunani “techne” (kemahiran atau seni) dan “logos” (kajian sistematik), yang merujuk kepada ilmu tentang alat dan proses yang digunakan untuk menyelesaikan masalah praktikal (Abdullah et al., 2022). Dalam konteks falsafah Islam, teknologi dilihat sebagai alat yang boleh membawa kesejahteraan jika digunakan dengan niat dan kaedah yang betul (Suprpto & Yulianto, 2023). Teknologi bukan sahaja merangkumi peranti fizikal seperti mesin dan komputer, tetapi juga sistem dan kaedah yang membentuk cara manusia berinteraksi dengan dunia. Seiring dengan perkembangan zaman, teknologi telah menjadi instrumen utama dalam membentuk tamadun dan gaya hidup manusia moden.

2.3 Etika Teknologi

Etika teknologi merujuk kepada prinsip moral yang mengawal pembangunan dan penggunaan teknologi agar selari dengan nilai kemanusiaan dan kesejahteraan sosial (Abdullahi, 2025). Dalam era digital, etika teknologi menjadi semakin penting kerana teknologi bukan lagi alat neutral, tetapi entiti yang membentuk realiti sosial dan pilihan moral manusia (Hansson, 2017). Kajian menunjukkan bahawa reka bentuk teknologi secara tidak langsung mencerminkan nilai dan keputusan moral pengembangnya (Latour, 2025). Oleh itu, refleksi etika perlu menjadi sebahagian daripada proses pembangunan teknologi agar tidak menimbulkan kesan negatif yang tidak dijangka. Antara bidang yang terkawal dengan teknologi etika termasuk:

2.3.1 Bioetika

Bioetika membincangkan isu moral dalam bidang biologi dan perubatan seperti pengklonan, euthanasia, dan hak pesakit. Kajian menunjukkan bahawa bioetika penting dalam memastikan teknologi kesihatan digunakan secara bertanggungjawab dan tidak menjejaskan martabat manusia (Kusmaryanto, 2020).

2.3.2 Siber etika

Siber etika merangkumi prinsip etika dalam dunia digital, termasuk privasi data, keselamatan siber, dan interaksi dalam media sosial. Dalam era digital, pengguna perlu memahami tanggungjawab mereka dalam berkongsi maklumat dan menjaga keselamatan data peribadi (Imam Bahrul & Sueb, 2023).

2.3.3 Etika Kejuruteraan

Etika kejuruteraan menekankan tanggungjawab moral jurutera dalam menghasilkan teknologi yang selamat, adil dan beretika. Jurutera perlu mematuhi piawaian profesional dan mempertimbangkan kesan sosial daripada ciptaan mereka (Pradana & Amol, 2024).

2.3.4 Etika Kecerdasan Buatan (AI)

Etika AI merujuk kepada prinsip moral dalam pembangunan sistem pintar, termasuk isu ketelusan algoritma, akauntabiliti, dan privasi pengguna. AI berpotensi mempercepatkan inovasi, tetapi juga menimbulkan dilema etika seperti bias algoritma dan ancaman terhadap integriti akademik. Oleh itu, pendekatan multidisiplin diperlukan untuk memastikan AI digunakan secara adil dan berperikemanusiaan. Contoh-contoh isu etika dalam pelbagai bidang teknologi semakin mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik dan pembuat dasar. Dalam bidang siber etika, isu privasi dan perlindungan data peribadi menjadi antara kebimbangan utama. Organisasi digital seperti platform e-dagang dan media sosial sering mengumpulkan data pengguna melalui pelbagai kaedah seperti penjejakan lokasi, kuki laman web, dan akses kepada galeri foto, bagi membina sistem cadangan kandungan atau iklan yang disasarkan (targeted advertisement) (Zainudin & Ali, 2025). Sebagai contoh, aplikasi seperti *Lazada*, *Shopee*, *Instagram* dan *Facebook* menggunakan algoritma untuk menganalisis tingkah laku pengguna demi keuntungan komersial. Walaupun strategi ini meningkatkan kecekapan pemasaran, ia menimbulkan persoalan etika berkaitan hak privasi dan persetujuan pengguna. Ancaman keselamatan siber

seperti perisian hasad (malware), kecurian identiti dan penggodaman turut menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengguna digital.

Menurut laporan MyCERT (2024), insiden keselamatan komputer di Malaysia meningkat sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya, menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh perlindungan data dan sistem keselamatan siber. Persoalan utama yang timbul ialah: sejauh mana tanggungjawab syarikat teknologi dan kerajaan dalam melindungi hak asasi pengguna dalam ruang digital?

Selain itu, etika kecerdasan buatan (AI) turut menimbulkan dilema moral yang kompleks. Antara isu utama ialah persoalan tanggungjawab apabila berlaku kesilapan dalam keputusan yang dibuat oleh sistem AI. Sebagai contoh, sistem AI yang digunakan dalam pengawasan media atau penilaian akademik boleh menjejaskan hak individu jika berlaku bias algoritma (Nur Amelina et al., 2024). Dalam bidang bioetika, teknologi seperti CRISPR yang membolehkan penyuntingan gen manusia membuka peluang besar dalam rawatan penyakit genetik, namun turut mencetuskan persoalan moral berkaitan penciptaan 'genetic baby' dan sempadan etika dalam manipulasi kehidupan (Kusmaryanto, 2020). Isu *euthanasia* dan *assisted suicide* juga menjadi perdebatan dalam bioetika moden. Walaupun ia bertujuan untuk mengurangkan penderitaan pesakit yang mengalami penyakit terminal, persoalan tentang hak untuk menamatkan kehidupan sendiri masih menjadi perbincangan hangat dalam kalangan masyarakat dan ahli falsafah moral.

2.4 Cabaran Etika Dalam Penggunaan Media Digital

Antara cabaran utama dalam penggunaan media digital ialah isu privasi dan pengendalian data peribadi pengguna. Zuboff (2019) memperkenalkan konsep kapitalisme pengawasan (*surveillance capitalism*), iaitu amalan syarikat teknologi yang mengumpulkan dan mengeksploitasi data pengguna untuk tujuan komersial tanpa persetujuan yang jelas dan mencukupi. Fenomena ini menimbulkan persoalan etika yang mendalam berkaitan hak pengguna terhadap data peribadi mereka dan tahap kawalan yang sepatutnya dimiliki oleh individu dalam ruang digital. Selain itu, penyebaran maklumat palsu merupakan satu lagi cabaran kritikal dalam ekosistem media digital. Kajian oleh Tandoc et al. (2018) mentakrifkan *fake news* sebagai gabungan antara berita palsu, tafsiran yang salah dan kandungan parodi yang berpotensi membentuk persepsi masyarakat secara tidak tepat. Keadaan ini diperburuk oleh algoritma media sosial yang memperkukuh fenomena *echo chambers* dan *filter bubbles* (Pariser, 2011), di mana pengguna hanya disajikan dengan kandungan yang menyokong pandangan sedia ada mereka, sekali gus mengurangkan keterbukaan terhadap perspektif berbeza.

Kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang, kekurangan dasar perlindungan data, dan ketidakcukupan regulasi keselamatan siber turut menyumbang kepada peningkatan isu siber etika. Menurut Daud (2025), walaupun Malaysia telah melaksanakan lebih 30 akta berkaitan jenayah siber, ancaman terhadap keselamatan digital masih menunjukkan trend peningkatan. Antara faktor yang menyukarkan kawalan termasuk kesukaran mengenal pasti lokasi penjenayah siber, perkembangan teknologi yang pesat, definisi jenayah siber yang sentiasa berubah, serta cabaran dalam pelaksanaan siasatan rentas sempadan. Laporan MyCERT (2025) menunjukkan bahawa insiden keselamatan komputer meningkat daripada 5,917 kes pada tahun 2023 kepada 6,209 kes pada tahun 2024, iaitu peningkatan sebanyak 292 kes. Statistik ini mengukuhkan keperluan untuk memperkasakan dasar keselamatan siber dan mempertingkatkan literasi digital dalam kalangan masyarakat.

2.5 Impak Kecerdasan Buatan (AI) Terhadap Nilai Kemanusiaan

Sejak pelancaran ChatGPT oleh OpenAI pada 30 November 2022, pembangunan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah berkembang pesat, didorong oleh persaingan komersial dan permintaan pasaran. Syarikat-syarikat gergasi seperti *Google*, *Meta* dan *Microsoft* turut memperkenalkan model AI masing-masing, dengan pelbagai fungsi unik yang disesuaikan untuk pelbagai sektor (Nur Amelina et al., 2024). Menjelang April 2025, landskap AI telah berubah secara drastik, dengan kehadiran sistem pintar yang mampu menjalankan tugas kompleks secara automatik dan adaptif. Menurut definisi oleh Kaplan dan Haenlein (2019), kecerdasan buatan (AI) merujuk kepada keupayaan sistem untuk mentafsir data luaran secara tepat, belajar daripada data tersebut, dan menggunakan pembelajaran itu untuk mencapai matlamat tertentu melalui penyesuaian yang fleksibel. Secara ringkas, AI ialah keupayaan mesin untuk meniru tingkah laku manusia yang bijak dan membuat keputusan berdasarkan data sejarah serta corak perlakuan manusia. Namun, pendekatan ini membawa risiko etika yang signifikan. Oleh kerana AI bergantung kepada data yang dikumpul daripada masyarakat, ia berpotensi mengukuhkan bias sosial yang sedia ada. Konsep *algorithmic oppression* menjelaskan bagaimana sistem AI dan algoritma boleh mengulang serta memperkukuh stereotaip dan ketidaksamarataan sosial (Noble, 2018).

Sebagai contoh, hasil carian bagi istilah seperti "black girls" atau "Latinas" dalam enjin carian tertentu sering dikaitkan dengan kandungan seksual, menunjukkan bagaimana bias dalam data boleh menghasilkan keputusan yang tidak beretika dan merosakkan imej kumpulan tertentu. Persoalan penting yang timbul ialah:

adakah mungkin untuk membangunkan AI yang benar-benar adil dan bebas daripada bias? Jika AI dibina berdasarkan prinsip keadilan manusia, adakah ia mampu mengekalkan nilai moral dan kemanusiaan, atau sebaliknya menjadi alat yang menghakis nilai tersebut demi kepentingan segelintir pihak? Sebagai contoh, AI yang beroperasi berdasarkan pendekatan Konsekuensialis akan menilai tindakan berdasarkan hasil dan impaknya. Walaupun pendekatan ini boleh meningkatkan efisiensi, ia juga berisiko mengabaikan nilai moral jika keputusan yang dibuat hanya mengutamakan hasil yang menguntungkan. Dalam konteks ini, AI berpotensi menjadi alat yang mengancam etika dan nilai kemanusiaan jika tidak dikawal dengan prinsip moral yang jelas (Nur Amelina et al., 2024).

2.6 Isu Privasi Dan Keselamatan Data

Sebelum membincangkan isu privasi dan keselamatan data, adalah penting untuk memahami konsep data besar atau *big data*. Istilah ini merujuk kepada set data yang sangat besar dan kompleks, sama ada dalam bentuk berstruktur atau tidak berstruktur. Data berstruktur merujuk kepada maklumat yang tersusun dalam format tertentu seperti jadual atau kategori, yang mudah dianalisis menggunakan sistem komputer. Sebaliknya, data tidak berstruktur seperti teks bebas, imej atau video memerlukan proses tambahan untuk dianalisis secara sistematik (Gruschka et al., 2018).

Dalam proses pemprosesan data besar, data peribadi individu sering kali terdedah kepada risiko pengesanan semula (*re-identification risk*), terutamanya apabila data yang telah dianonimkan digabungkan dengan set data lain. Sebagai contoh, dalam analisis pola perbelanjaan atas talian, maklumat seperti lokasi, umur, nama dan nombor pengenalan boleh dikenal pasti semula walaupun telah disamarkan. Kejadian seperti pembocoran pangkalan data Shanghai National Police yang melibatkan 24TB data peribadi termasuk nama, jantina, nombor telefon dan rekod jenayah menunjukkan betapa seriusnya ancaman terhadap keselamatan identiti digital (Zhou, 2023).

Pengguna media digital juga terdedah kepada isu privasi melalui pengiklanan tertumpu (*targeted advertisement*). Syarikat teknologi seperti Google, Meta dan Microsoft mengamalkan sistem kapitalisme pengawasan (*surveillance capitalism*), iaitu model ekonomi yang menjejak dan meramalkan tingkah laku pengguna seperti masa skrin, minat dan corak perbelanjaan demi keuntungan komersial (Zuboff, 2019). Walaupun data ini digunakan untuk menambah baik perkhidmatan, pengumpulan berlebihan dan eksklusif oleh syarikat boleh menimbulkan kebimbangan etika, terutamanya apabila digunakan untuk membina algoritma ramalan yang menyasarkan pengguna secara manipulatif.

3. Cadangan

Bagi menangani cabaran dalam memperkukuh nilai sosial dalam era digital, pelbagai pendekatan proaktif perlu dilaksanakan secara bersepadu. Antara langkah utama ialah pelaksanaan kempen literasi media dan semakan fakta secara meluas, khususnya dalam kalangan pelajar dan pengguna media sosial aktif. Langkah ini penting untuk membendung penyebaran maklumat palsu serta membentuk sikap bertanggungjawab dalam perkongsian kandungan digital (Tandoc et al., 2018). Institusi pendidikan juga disarankan menyediakan intervensi psikososial seperti kaunseling digital dan program pengurusan stres yang berkaitan dengan isu buli siber dan ketagihan media. Di samping itu, aktiviti sosial fizikal seperti gotong-royong, kem jati diri dan sesi komunikasi bersemuka perlu digalakkan bagi memulihkan hubungan sosial yang terjejas akibat interaksi maya yang berlebihan (Siti Aisyah, 2024).

Kurikulum pendidikan etika digital yang dimulakan sejak peringkat awal persekolahan dapat memperkukuh kesedaran tentang tanggungjawab sosial dan budaya dalam kalangan pelajar. Untuk merapatkan jurang digital, kerajaan disarankan memperluas akses teknologi di kawasan luar bandar melalui penyediaan internet percuma dan bengkel kemahiran ICT (Siraj, 2024). Pemantauan penggunaan gajet secara sistematik oleh ibu bapa, pendidik dan pihak berkuasa melalui aplikasi pemantauan beretika juga boleh membantu membina persekitaran digital yang lebih sihat dan selamat. Langkah tambahan yang dicadangkan melibatkan kerjasama pelbagai pihak. Pendidikan etika digital perlu diperkasakan melalui modul khas dan simulasi realistik di sekolah. Kempen kesedaran oleh kerajaan, NGO dan sektor swasta perlu dijalankan secara berterusan untuk membina minda kritikal dan celik etika dalam kalangan pengguna.

Penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas juga penting bagi membendung penyalahgunaan teknologi seperti buli siber dan penyebaran fitnah (Daud, 2025). Kerjasama strategik antara kerajaan, institusi pendidikan dan masyarakat perlu diperluas untuk mewujudkan ekosistem digital yang beretika. Media massa dan pencipta kandungan memainkan peranan penting dalam menyebarkan nilai murni melalui kandungan positif. Penggunaan algoritma penapisan kandungan negatif dan sistem verifikasi pengguna boleh membantu membendung penyebaran maklumat palsu secara lebih sistematik. Program latihan dan bengkel semakan fakta kepada

masyarakat umum, khususnya warga emas, juga perlu diperluas agar penggunaan media digital berlaku secara bertanggungjawab dan inklusif.

Dalam usaha menangani kemerosotan warisan budaya akibat teknologi, strategi jangka panjang perlu digerakkan. Kerajaan dan institusi kebudayaan disaran mempercepatkan pendigitalan warisan budaya seperti manuskrip lama, permainan tradisional, seni persembahan dan ritual adat agar mudah diakses melalui platform digital moden (Mahathir, 2019). Usaha ini boleh dilaksanakan melalui arkib budaya digital kebangsaan dan kolaborasi dengan syarikat teknologi. Penghasilan kandungan kreatif berasaskan budaya tempatan dalam bentuk video pendek, muzik dan grafik digital perlu disokong melalui geran khas.

Kempen kesedaran budaya dalam media sosial, khususnya dalam kalangan belia, penting untuk meningkatkan rasa bangga terhadap identiti budaya sendiri. Sekolah boleh menganjurkan minggu warisan budaya digital yang menggabungkan aktiviti tradisional dengan teknologi moden seperti realiti terimbuh (AR). Untuk menghidupkan semula industri kraf tangan, kerajaan boleh memperkenalkan platform e-dagang khas bagi produk tempatan, mempromosikannya melalui media sosial dan menyediakan latihan digital kepada pengusaha kraf. Sistem algoritma platform digital perlu diberi input lokal agar kandungan budaya tempatan tidak tenggelam dalam arus kandungan global. Berikut adalah pendekatan etika dalam berhadapan dengan cabaran digital.

3.1 Pendekatan Konsekuensial: Menilai Teknologi Berdasarkan Akibatnya

Pendekatan Konsekuensial menilai sesuatu tindakan berdasarkan hasil atau impaknya terhadap kesejahteraan manusia. Dalam konteks teknologi digital, penggunaan media sosial dan kecerdasan buatan sering dinilai dari segi manfaat seperti kemudahan komunikasi, akses maklumat dan efisien kerja. Namun, pendekatan ini juga mendedahkan risiko seperti penyebaran maklumat palsu, ketagihan digital, dan pengukuhan bias algoritma (Tandoc et al., 2018; Noble, 2018). Sebagai contoh, sistem iklan tertumpu yang dibina atas data pengguna boleh meningkatkan keuntungan syarikat, tetapi pada masa yang sama menjejaskan privasi individu (Zuboff, 2019). Oleh itu, pendekatan ini menuntut keseimbangan antara manfaat teknologi dan kesan negatifnya terhadap nilai sosial.

3.2 Pendekatan Deontologis: Tanggungjawab Moral Tanpa Kompromi

Pendekatan Deontologis menekankan prinsip moral dan kewajipan etika tanpa mengambil kira hasil akhir. Dalam dunia digital, ini bermakna syarikat teknologi dan pengguna harus mematuhi prinsip seperti kejujuran, privasi, dan hak asasi walaupun tindakan tersebut mungkin tidak menguntungkan secara ekonomi (Fadillah, 2024). Contohnya, pengumpulan data tanpa persetujuan pengguna adalah salah secara moral walaupun ia menghasilkan analitik yang berguna (Gruschka et al., 2018). Pendekatan ini menyeru kepada pembinaan dasar teknologi yang berasaskan hak dan keadilan, bukan semata-mata efisiensi menangani kemerosotan warisan budaya akibat teknologi, beberapa strategi jangka panjang perlu dilaksanakan.

3.3 Pendekatan Etika Kebajikan: Membina Karakter dan Niat yang Beretika

Etika Kebajikan memberi penekanan kepada niat, karakter dan nilai dalaman individu atau organisasi. Dalam ekosistem digital, pendekatan ini menggalakkan pencipta kandungan, jurutera teknologi dan pengguna untuk bertindak dengan integriti, empati dan tanggungjawab sosial. Sebagai contoh, pencipta algoritma perlu bertanya bukan sahaja 'apa yang boleh dilakukan?', tetapi 'apa yang patut dilakukan?' (Kaplan & Haenlein, 2019). Etika ini juga relevan dalam pendidikan digital, di mana pelajar perlu dibentuk sebagai pengguna teknologi yang berjiwa manusia dan bukan sekadar pengguna pasif menangani kemerosotan warisan budaya akibat teknologi, beberapa strategi jangka panjang perlu dilaksanakan.

3.3.1 Pendekatan Strategik ke Arah Ekosistem Digital yang Berperadaban

Berdasarkan analisis melalui pendekatan Konsekuensial, Deontologis dan Etika Kebajikan, pembinaan ekosistem digital yang berperadaban memerlukan strategi yang bukan sahaja bersifat teknikal, tetapi juga berakar pada nilai kemanusiaan. Strategi-strategi berikut digariskan sebagai langkah proaktif untuk memastikan teknologi berkembang seiring dengan etika dan jiwa masyarakat.

3.3.2 Pendidikan Etika Digital Sejak Awal

Pendidikan etika digital perlu dimulakan dari peringkat awal persekolahan agar generasi muda bukan sahaja celik teknologi, tetapi juga celik nilai. Kurikulum yang menggabungkan literasi digital dengan prinsip moral seperti tanggungjawab, empati dan integriti dapat membentuk pengguna teknologi yang beretika (Siraj, 2024). Modul pembelajaran boleh merangkumi simulasi situasi digital sebenar, perbincangan kes etika, dan latihan membuat keputusan bermoral dalam talian. Pendidikan awal ini berperanan sebagai benteng terhadap penyalahgunaan teknologi dan normalisasi tingkah laku tidak beradab dalam ruang digital.

3.3.3 Dasar Perlindungan Data yang Tegas dan Berasaskan Hak Asasi

Dalam era kapitalisme pengawasan, data peribadi pengguna sering dikumpul dan dimanipulasi tanpa persetujuan yang jelas. Oleh itu, kerajaan perlu memperkukuh dasar perlindungan data yang berasaskan hak asasi manusia, bukan sekadar kepentingan ekonomi. Undang-undang seperti Akta Perlindungan Data Peribadi perlu dikemas kini agar selari dengan cabaran semasa seperti pengecaman semula data, kebocoran identiti dan eksploitasi algoritma (Gruschka et al., 2018; Zuboff, 2019). Di samping itu, mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan perlu diperkasakan agar pengguna benar-benar dilindungi secara menyeluruh.

3.3.4 Penglibatan Komuniti dan Institusi dalam Pembentukan Budaya Digital

Ekosistem digital yang berperadaban tidak boleh dibentuk oleh dasar semata-mata, tetapi memerlukan penglibatan aktif daripada pelbagai lapisan masyarakat. NGO, institusi pendidikan, media massa dan pencipta kandungan perlu berganding bahu dalam membina budaya digital yang inklusif, bertanggungjawab dan beretika. Kempen kesedaran, bengkel literasi media, dan program semakan fakta boleh dijalankan secara berterusan untuk memperkukuh daya tahan masyarakat terhadap maklumat palsu dan manipulasi digital (Tandoc et al., 2018). Pendekatan ini juga selari dengan etika kebajikan yang menekankan pembinaan karakter dan niat baik dalam penggunaan teknologi.

3.3.4 Pemuliharaan Budaya Tempatan Secara Digital

Teknologi tidak seharusnya menjadi alat penghakisan identiti budaya, sebaliknya perlu dimanfaatkan untuk memperkasa warisan tempatan. Kandungan digital berasaskan seni, adat, bahasa dan sejarah tempatan perlu dipromosikan secara aktif agar tidak tenggelam dalam arus globalisasi (Mahathir, 2019). Usaha seperti pendigitalan manuskrip lama, penghasilan video budaya, dan pembangunan aplikasi interaktif berasaskan warisan boleh menyemai rasa bangga terhadap identiti sendiri. Ini bukan sahaja melindungi nilai peradaban, tetapi juga menjadikan ekosistem digital lebih berjiwa dan berakar pada konteks lokal.

4. Rumusan

Secara keseluruhannya, kelestarian etika dan peradaban merupakan elemen penting yang perlu dipelihara dalam era digital kerana ia memainkan peranan utama dalam membentuk jati diri, nilai moral dan identiti budaya sesebuah masyarakat. Ketiadaan kelestarian ini boleh mengakibatkan penghakisan nilai budaya tempatan serta melemahkan struktur sosial yang sedia ada (Zuboff, 2019). Dalam konteks digital, cabaran seperti penyebaran maklumat palsu telah merosakkan kepercayaan awam dan mencetuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat (Tandoc et al., 2018). Buli siber pula memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan emosi, terutamanya dalam kalangan remaja, manakala ketagihan media sosial mengganggu keseimbangan kehidupan sosial dan kesihatan mental (Siti Aisyah, 2024).

Tambahan pula, kekurangan pendidikan berkaitan etika digital menyebabkan ramai pengguna teknologi bertindak tanpa rasa tanggungjawab. Sebagai contoh, ibu bapa yang tidak memberikan pendedahan awal kepada anak-anak mengenai etika digital menyumbang kepada tingkah laku tidak beretika dalam penggunaan media digital (Azamawaty, 2025). Penggunaan teknologi yang tidak terkawal juga membawa kepada pengabaian nilai sosial, terutamanya apabila kanak-kanak mempunyai akses tanpa had kepada peranti digital tanpa pemantauan ibu bapa (Siraj, 2024). Jika cabaran ini tidak ditangani, ia boleh membawa kepada kemerosotan warisan budaya. Kbergantungan terhadap teknologi menyebabkan aktiviti kebudayaan seperti permainan tradisional semakin dilupakan. Selain itu, penggunaan bahasa asing secara meluas dalam komunikasi digital, terutamanya dalam kalangan generasi muda, mengancam kelangsungan Bahasa Melayu sebagai bahasa identiti nasional (Mahathir, 2019).

Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dalam memelihara kelestarian etika dan peradaban (Nur Shuhada, 2024). Kerajaan boleh memainkan peranan melalui kempen kesedaran yang menyeluruh, manakala masyarakat perlu mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Individu pula bertanggungjawab

untuk membentuk peribadi yang beretika dan berbudaya tinggi. Kajian ini telah mengenal pasti cabaran utama dalam memperkukuh nilai sosial, mencadangkan langkah strategik untuk meningkatkan kelestarian etika dan peradaban, serta meneliti kesan teknologi terhadap warisan budaya. Sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing secara kolektif dan berterusan, kita mampu membina sebuah ekosistem digital yang harmoni, berperadaban dan berjiwa manusia.

Penghargaan

Ribuan terima kasih dan penghargaan diberikan kepada sekretariat jurnal dan Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang penerbitan makalah ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan penulis untuk penghasilan bersama ini.

Konflik Kepentingan

Tiada sebarang konflik kepentingan dalam kertas kerja ini.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini adalah seperti berikut: **pendahuluan dan sorotan literatur:** Nazatul Amira, Fong Li Heng, Lim Wei Li, Nur Diana Ilyana; **cadangan:** Lue Zhen Luo; **pendekatan dan dasar:** Nazirah Aliah, Lee Poh Hoong, Lin Wei Jian; **penyediaan draf manuskrip:** Nur Diana Ilyana, Nazatul Amira, Fong Li Heng; **rumusan, semakan dan penyuntingan manuskrip:** Siti Sarawati Johar. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

Rujukan

- [1] Azmawaty Muhamad Nor (2025). *Kewajaran zon tanpa gajet*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2025/02/1188624/kewajaran-zon-tanpa-gajet>
- [2] Abdullahi Abdirahim Bashiir. (2025). Ethical Considerations in Emerging Technologies: Balancing Innovation and Morality. *Research Invention Journal Of Engineering And Physical Sciences*, 4(1):50-55. <https://doi.org/10.59298/RIJEP/2025/415055>
- [3] Berita Harian (2016,25 Disember). *Pengaruh Media Sosial Ancaman Baharu Perpaduan*. From: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/12/227021/pengaruh-media-sosial-ancaman-baharu-perpaduan-musa>.
- [4] Datereportal Digital Global Insight (2023). *Digital 2023: Malaysia*. From: <https://datereportal.com/reports/digital-2023-malaysia?rq=%20Malaysia>.
- [5] DataReportal.(2025). Digital 2025: Malaysia. <https://datereportal.com/reports/digital-2025-malaysia>
- [6] Daud, M. (2025). Isu dan Cabaran dalam Usaha Menghadapi Jenayah Siber di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(1), 1-28.
- [7] Fadillah Yusof (29 Mei 2024). Pengamal media perlu pelihara etika, berintegriti sampaikan maklumat. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengamal-media-perlu-pelihara-etika-berintegriti-sampaikan-maklumat-tpm-fadillah-472592>
- [8] Hansson, Sven Ove, ed. (2017). *The Ethics of Technology: Methods and Approaches*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield.
- [9] Harian Metro (2023, 13 Februari). 197 Kandungan Media Sosial Langgar Etika Diturunkan. From: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/935851/197-kandungan-media-sosial-langgar-etika-diturunkan-metrotv>
- [10] Harian Teknologi (2023, Oktober 3). Apa itu Teknologi?. From: <https://hteknologi.com/blog/apa-itu-teknologi/>
- [11] Imam Bahrul, I., & Sueb, M. (2023). *Etika digital dan tanggungjawab sosial pengguna*. Penerbit UIN Sunan Kalijaga.
- [12] Jabatan Digital Negara. (2023). *Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021–2025*. <https://www.jdn.gov.my/pelan-strategik-pendigitalan/>
- [13] Kaplan, A., & Haenlein, M. (2019). Siri, Siri, in my hand: Who's the fairest in the land? On the interpretations, illustrations, and implications of artificial intelligence. *Business Horizons*, 62(1), 15–25. <https://doi.org/10.1016/j.bushor.2018.08.004>
- [14] Kusmaryanto, S. (2020). *Bioetika: etika terapan dalam ilmu kedokteran dan bioteknologi*. Kanisius.
- [15] Latour, B. (2025). *Technology and morality: a new framework for ethical design*. MIT Press.
- [16] Mahathir Mohamad (2019, 20 September). Adat, budaya tidak harus dipinggirkan di era moden. *BERNAMA*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1769736>
- [17] MCMC (2023). Laporan Tahunan Aduan Kandungan Tidak Sahih 2020–2022. Suruhanjaya Komunikasi dan

- Multimedia Malaysia. <https://www.mcmc.gov.my>
- [18] Meltwater & We Are Social (2023). Digital 2023: Malaysia. <https://datareportal.com/reports/digital-2023-malaysia>
- [19] MyCERT (2024). Cyber Incident Quarterly Summary Report – Q4 2024. *Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT)*, (27 Feb. 2025). From: <https://www.mycert.org.my/portal/advisory?id=SR-029.022025>
- [20] Gruschka, V. Mavroeidis, K. Vishi and M. Jensen (2018). Privacy Issues and Data Protection in Big Data: A Case Study Analysis under GDPR, 2018 IEEE International Conference on Big Data (Big Data), Seattle, WA, USA, 2018, pp. 5027-5033, doi: 10.1109/BigData.2018.8622621. keywords: {Big Data;Law;Data protection;big data;data analysis;privacy;data protection;GDPR;data anonymization;information security;biometric privacy}
- [21] Noble, S. U. (2018). *Algorithms of oppression: how search engines reinforce racism*. United States: NYU Press.
- [22] Nur Shuhada Ya'acob (4 September 2024). Keperluan mengimbangi teknologi dan adab oleh generasi digital. Bernama, Tinta Minda. <https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2336241>
- [23] Nur Amelina, N., Nusairah, N., Wafa, W., & Alya Sorfina, A. (2024). *Kemanusiaan di era AI: jalinan teknologi dengan nilai-nilai peradaban masyarakat*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- [24] Pariser, Eli. (2011). *The Filter Bubble: What the Internet Is Hiding from You*. New York: Penguin Press. <https://www.penguinrandomhouse.com/books/309214/the-filter-bubble-by-eli-pariser/>
- [25] Ruzian, M., Zainatul Ashiqin, Z., & Nurhidayah, A. F. (2019). Literasi perundangan media baharu dalam kalangan belia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(3), 372-389.
- [26] Siraj Jalil (22 April 2024). Kanak-kanak perlu diberi pendedahan awal digital. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1237847/kanak-kanak-perlu-diberi-pendedahan-awal-pendidikan-digital-mcca>
- [27] Siti Aisyah Panatik (2024). Buli Siber : Media sosial buat empati, jiwa manusia semakin hilang . Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/buli-siber-media-sosial-buat-empati-jiwa-manusia-semakin-hilang-479036>
- [28] Syed Mohammad Hilmi, S. A. R., Mohd Anuar, R., Che Zarrina, S., Azah Anir, N., Mohd Anuar, M., & Muhammad Hazim, M. A. (2022). Penggunaan media sosial baharu: Isu-isu dan panduan perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 73-96.
- [29] Tandoc, Edson C., Zheng Wei Lim, and Richard Ling (2018). Defining 'Fake News'. *Digital Journalism* 6(2): 137–153.
- [30] Yuni, F. (2021). Pemanfaatan media sosial sebagai media penyajian konten edukasi atau pembelajaran digital. *Journal of Information System, Applied, Management, Accounting, and Research*, 5(4), 1006-1013.
- [31] Zainudin, A. J., & Ali, N. M. (2025). Sains di Sebalik Tingkah Laku Perkongsian Maklumat. *Jendela DBP*. <https://dewankosmik.jendeladbpm.my/2025/06/20/18273/>
- [32] Zhou, Y. (2023). Shanghai Police Database Leak: A Wake-Up Call for Global Data Security. *Journal of Cybersecurity and Privacy*, 5(2), 112–130.
- [33] Zuboff, Shoshana (2019). *The Age of Surveillance Capitalism: The Fight for a Human Future at the New Frontier of Power*. New York: PublicAffairs.